

02 OCT 1996

PM JANGKA KERJA BAKUN SIAP SEPERTI DIJADUALKAN

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menjangkakan projek empangan Hidroelektrik Bakun yang berharga berjuta-juta ringgit di Sarawak akan siap seperti yang dijadualkan dalam lima tahun lagi.

Kerja ke atas projek bernilai RM13.6 bilion bermula semalam dan semua pihak harus menumpukan perhatian dalam menyiapkan kerja seperti yang ditetapkan, tambah beliau.

Beliau berpuas hati pemeteraian kontrak sudahpun selesai setelah menghadapi beberapa masalah, katanya sambil menambah: "jika terdapat masalah kita akan menanganinya."

Beliau berkata demikian di persidangan berita selepas menyaksikan penandatanganan kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (EPC) yang terkendala dua kali, bagi projek antara Bakun Hydroelectric Corporation Bhd (BHC) dan ABB-CBPO Consortium.

Di majlis tersebut BHC diwakili oleh pengerusi eksekutifnya, Tan Sri Ting Pek Khiing, yang juga pengerusi eksekutif Ekran yang syarikat itu mempunyai 32 peratus ekuiti, naib presiden eksekutif ABB, Goran Lindahl dan pengarah syarikat Brazil, Marco Elie Altit.

Menurut kontrak tersebut, Ekran Bhd menerima sejumlah RM1 bilion sebagai pampasan bagi usaha yang lalu dan peranan masa depannya selaku pengurus projek terhadap tempoh pembinaan selama enam tahun.

Ditanya sama ada Ekran layak mendapat bayaran pengurusan, Dr Mahathir berkata setakat ini tiada siapapun membayar Ekran untuk kerja yang telah dilaksanakannya.

Ketika memberi penjelasan tentang pembayaran, Ting berkata ia akan berdasarkan pada sejauh masa kerja telah dilaksanakan dalam tempoh pembinaan dan pengarah Ekran kemudian mengesahkan bahawa BHC akan membayar Ekran RM1 bilion tersebut.

Mengenai masalah teknikal yang dilaporkan melambatkan pemeteraian kontrak, Ting menjelaskan bahawa ia merupakan masalah pengagihan kerja dalam projek berkenaan yang merupakan projek penswastaaan yang terbesar di negara ini.

Ditanya tentang sumber pembiayaan pula, Ting mengesahkan pinjaman bank tidak akan dibuat tetapi akan dibiayai secara sendiri, seperti menerusi hasil daripada penyenaaraian BHC, yang dijangka menjelang penghujung tahun ini.

Menurut satu kenyataan yang disiarkan pada majlis tersebut, EPC itu bernilai RM13.05 bilion dan projek tersebut akan bermula tidak lewat daripada 1 Jan, 1997 dan tarikh operasi permulaan tidak lewat daripada 1 Okt, 2002 dan tarikh operasi komersil pula tidak lewat daripada 31 Ogos, 2003.

Ekran akan mengekalkan ekuiti 32 peratus di dalam BHC, menjadikannya pemegang saham terbesar. Kerajaan negeri Sarawak pula akan memegang 19 peratus, Sarawak Electricity Supply Corporation 9 peratus, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 10 peratus, Tenaga Nasional Bhd 25 peratus dan Malaysia Mining Corporation Bhd 5 peratus.

Loji tenaga hidroelektrik akan mempunyai keupayaan terpasang 2,520 megawatts di Sarawak dan sistem penghantaran tenaga mengandungi kira-kira 670 km talian HVDC di dalam negeri itu dan kira-kira 670 km kabel dasar laut yang menghubungkan sistem penghantaran Tenaga Nasional di Semenanjung Malaysia.

Projek tersebut juga direka untuk membekal tenaga ke sistem Sarawak Electricity Supply Corproation (SESCO) di Sarawak, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA
MK MR MA